



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA

---

MALAYSIA

---

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 3 TAHUN 1994

KADAR GAJI HARIAN,  
ELAUN DAN KEMUDAHAN ANGGOTA SAMBILAN  
DALAM SEKTOR AWAM

TUJUAN

1.1 Tujuan Pekeliling Perkhidmatan ini ialah untuk memaklumkan kaedah penetapan kadar gaji harian, kelayakan elaun dan kemudahan baru bagi anggota sambilan dalam sektor awam.

LATAR BELAKANG

2.1 Kerajaan telah melaksanakan semakan saraan bagi semua anggota dalam perkhidmatan awam yang memilih terima Sistem Saraan Baru (SSB) melalui

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991 yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 1992. Berikutan dengan semakan saraan tersebut, kadar gaji harian serta lain-lain kelayakan elaun dan kemudahan bagi anggota sambilan perlu disemak semula supaya selaras dengan perubahan-perubahan yang diperkenalkan di bawah SSB.

## PINDAAN TERHADAP SARAAN

3.1. Di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976 beberapa unsur saraan adalah layak dibayar kepada anggota sambilan mengikut kelayakan akademik dan skim perkhidmatan yang disandang. Bagaimanapun bagi menentukan unsur-unsur saraan yang dibayar kepada anggota sambilan supaya bersesuaian dengan SSB, Kerajaan bersetuju unsur-unsur saraan bagi anggota sambilan disemak semula dan ditetapkan seperti berikut:

### 3.1.1 Gaji Harian

3.1.1.1 Kadar gaji harian bagi anggota sambilan hendaklah ditetapkan mengikut gaji permulaan skim perkhidmatan seseorang anggota itu dilantik termasuk mengambilkira kaedah penentuan gaji permulaan bagi skim yang mempunyai unsur *multiple entry* iaitu mengikut formula seperti berikut.

$$\frac{\text{Gaji Permulaan Sebulan} \\ \text{Mengikut Skim Perkhidmatan} \\ \text{Pegawai Dilantik}}{27 \text{ Hari Bekerja}} = \text{Kadar Gaji Harian}$$

Contoh perkiraan adalah seperti di LAMPIRAN I.

### 3.1.2. Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA)

3.1.2.1. Mengikut perenggan 2.1(b)(i) Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1990, anggota sambilan adalah layak dibayar Elaun Khidmat Awam. Walau bagaimanapun, nama elaun ini sekarang diubah kepada Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA) dengan mengekalkan syarat-syarat, kaedah perkiraan dan kadar-kadarnya yang terkandung dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1990. Formula pembayaran ITKA bagi anggota sambilan adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Kadar ITKA Mengikut Kategori Perkhidmatan Pegawai Itu Dilantik}}{27 \text{ Hari Bekerja}} = \text{Kadar ITKA Sehari}$$

Contoh perkiraan adalah seperti di LAMPIRAN II.

3.1.2.2 ITKA tidak dibayar bagi hari-hari yang anggota sambilan tidak bekerja, termasuk hari-hari kelepasan mingguan atau kelepasan am, kecuali bagi Cuti Rehat Bergaji Penuh yang diluluskan oleh Ketua Jabatan sebagaimana diperuntukkan mengikut perenggan 4.1.2 dalam Pekeliling ini

### 3.1.3. Bayaran Lebih Masa

3.1.3.1. Berdasarkan surat JPA.256/9/23 Bhg.I/Klt.2(36),

bertarikh 1 April 1986, anggota sambilan layak diberi Bayaran Lebih Masa bagi kerja-kerja yang dibuat di luar waktu bekerja biasa. Di bawah SSB semua anggota dalam Kumpulan Sokongan layak diberi Bayaran Lebih Masa apabila diarah bekerja di luar waktu bekerja biasa. Oleh yang demikian, selaras dengan perubahan tersebut, anggota sambilan yang tergolong dalam Kumpulan Sokongan adalah layak diberi bayaran lebih masa apabila diarah bekerja di luar waktu bekerja biasa.

3.1.3.2. Kadar bayaran satu jam bagi anggota sambilan yang bekerja lebih masa mengikut jawatan dalam Kumpulan Sokongan yang disandang adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Gaji harian} \times 27 \text{ hari} \\ \text{bekerja} \times 12 \text{ bulan}}{313 \text{ hari bekerja} \times 8 \text{ jam}} = \text{Kadar bayaran sejam}$$

Contoh perkiraan adalah seperti di LAMPIRAN III.

### 3.1.3.3 Kategori Kerja Lebih Masa

Bagi maksud penetapan kadar Bayaran Lebih Masa, kerja-kerja lebih masa yang melayakkan seseorang anggota membuat tuntutan adalah dibahagikan kepada tiga kategori seperti berikut:

- (i) kerja siang;
- (ii) kerja malam; dan
- (iii) kerja kecemasan.

Bagi setiap kategori kerja ini kadar gandaan bayaran mengikut jenis hari kerja lebih masa itu dijalankan, iaitu, sama ada pada Hari Bekerja Biasa, Hari Rehat Biasa atau Hari Kelepasan Am, adalah seperti di **LAMPIRAN IV**.

#### 3.1.3.4. Formula Penetapan kadar

Jumlah Bayaran Lebih Masa yang boleh dituntut oleh seseorang anggota adalah ditentukan dengan mendarab kadar bayaran sejam dengan bilangan jam kerja lebih masa seperti formula berikut:

$$\text{Jumlah} = \boxed{\begin{array}{c} \text{Kadar} \\ \text{Bayaran} \\ \text{Sejam} \end{array}} \times \boxed{\begin{array}{c} \text{Bilangan Jam} \\ \text{Kerja} \\ \text{Lebihmasa} \end{array}} \times \boxed{\begin{array}{c} \text{Kadar} \\ \text{Gandaan} \end{array}}$$

Contoh perkiraan kadar gandaan bayaran kerja lebih masa bagi anggota sambilan adalah seperti di **LAMPIRAN V**

3.1.3.5. Jumlah Bayaran Lebih Masa yang boleh dituntut oleh seseorang anggota sambilan bagi sesuatu bulan hendaklah tidak melebihi 1/3 daripada gaji harian untuk satu bulan tertakluk kepada

syarat yang ditetapkan di dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 21 Tahun 1977.

### 3.1.4. Bayaran Insentif Wilayah

3.1.4.1. Kadar Bayaran Insentif Wilayah mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1987 adalah seperti berikut:

| Lingkungan Gaji<br>(Termasuk Elaun Memangku) | Peratusan Daripada<br>Gaji Yang Diterima |
|----------------------------------------------|------------------------------------------|
| Di bawah RM443                               | 25%                                      |
| RM443 - RM647                                | 22.5%                                    |
| RM648 - RM1,106                              | 20%                                      |
| RM1,107 - RM2,213                            | 17.5%                                    |
| RM2,214 - RM3,855                            | 15%                                      |
| RM3,856 dan ke atas                          | 12.5%                                    |

Kadar Bayaran Insentif Wilayah bagi anggota sambilan adalah seperti contoh di LAMPIRAN VI.

### 3.1.5. Perkiraan Bayaran

3.1.5.1 Bagi maksud perkiraan kadar gaji harian, Imbuhan Tetap Khidmat Awam dan Bayaran Insentif Wilayah untuk anggota sambilan seperti di perenggan-perenggan

3.1.1, 3.1.2 dan 3.1.4. di atas hendaklah dibulatkan kepada perpuluhan sen yang terhampir, manakala perkiraan Bayaran Lebih Masa seperti di perenggan 3.1.3. hendaklah dibuat secara sebenar.

#### **3.1.6. Caruman Kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)**

3.1.6.1. Anggota sambilan adalah diwajibkan membuat caruman kepada KWSP.

### **KEMUDAHAN-KEMUDAHAN BARU**

4.1. Sebelum ini anggota sambilan tidak diberi kemudahan selain daripada pembayaran gaji dan elaun yang dibenarkan. Kerajaan telah menimbang dan memutuskan supaya anggota sambilan diberi beberapa kemudahan baru seperti berikut:

#### **4.1.1. Rawatan Perubatan Percuma**

4.1.1.1. Anggota sambilan (tidak termasuk suami/isteri dan anak) diberi kemudahan rawatan perubatan percuma di hospital dan klinik-klinik Kerajaan tertakluk kepada bayaran wad yang tidak melebihi Kelas Dua. Kemudahan ini tidak meliputi pembekalan alat-alat orthopedik, anggota palsu dan rawatan pergigian otodontik bagi tujuan kosmetik.

#### 4.1.2. Cuti Rehat Bergaji Penuh

4.1.2.1. Anggota sambilan diberi satu hari cuti rehat bergaji penuh bagi mereka yang bekerja lebih daripada 27 hari sebulan, tetapi tidak lebih tujuh hari dalam satu tahun.

#### TARIKH KUATKUASA

5.1. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

#### PEMBATALAN


6.1 Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini, Pekeliling-pekeliling Perkhidmatan dan Surat-surat Pekeliling berikut adalah dibatalkan:

- (a) Perenggan 23(a) Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1980;
- (b) Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1986;
- (c) Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1986,
- (d) Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1989,
- (e) Surat JPA.256/9/23 Bhg. 1/Klt 2(36), bertarikh 1 April 1986;
- (f) Surat JPA.258/9/23 Bhg 1/Klt 2(60), bertarikh 1 Oktober 1986, dan
- (g) perenggan 2.1(b)(i) dan (ii), Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1990.

## PEMAKAIAN

7.1. Tertakluk kepada penerimaannya oleh Pihak Berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini adalah juga dipanjangkan kepada Perkhidmatan Negeri, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



( TAN SRI DATO' MAHMUD BIN TAIB )  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia.

1 April 1994

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

s.k.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

Semua Ketua Pengurusan Badan-badan Berkanun.

Semua Ketua Pengurusan Kuasa Tempatan